

**GARIS PANDUAN
TRAVEL & TOURS ENHANCEMENT COURSE (TTEC)
UNTUK PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PELANCONGAN DAN
PENGEMBARAAN**

1. Syarat-syarat Penyertaan

- a) Kursus ini wajib diduduki oleh mana-mana Syarikat Sendirian Berhad yang ingin memohon pembaharuan lesen perniagaan pengendalian agensi pelancongan atau pengembaraan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia (KPL). Ia merangkumi permohonan lesen di bawah kategori seperti berikut:-
- (i) *inbound*;
 - (ii) *outbound*;
 - (iii) *ticketing*;
 - (iv) dan mana-mana kombinasi kategori pelesenan di atas.
- b) Syarikat perlu mengemukakan **salinan lesen perniagaan pengendalian yang akan tamat tempoh** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pelesenan, KPL semasa membuat pendaftaran kursus ini dengan Institut Latihan Pelancongan.
- c) Syarikat mesti menghadiri kursus sebelum mengemukakan permohonan pembaharuan lesen baru.
- d) Bagi mana-mana syarikat yang telah membuat pembaharuan lesen dalam tempoh antara 1 Januari hingga Mei 2011, syarikat **mesti mengikuti *Travel & Tours Enhancement Course* di dalam tempoh kelonggaran sementara (*grace period*)** sebagaimana yang ditetapkan oleh Bahagian Pelesenan, KPL di dalam surat kelulusan bersyarat pengendalian agensi pengembaraan dan pelancongan.

2. Latar belakang Peserta Kursus

Penyertaan mestilah terdiri dari sekurang-kurangnya seorang wakil dari syarikat ibu pejabat atau cawangan yang merupakan **key personnel** syarikat dan memegang jawatan seperti berikut:-

- (i) *Chief Executive Officer*; atau
- (ii) *Chief Operating Officer*; atau
- (iii) *General Manager*; atau
- (iv) *Managerial Level*.

3. Jangkamasa Kursus

Jangka masa untuk *Travel & Tours Enhancement Course* ialah selama 1 hari.

4. Yuran Kursus

Yuran kursus yang dikenakan adalah sebanyak **RM350.00 seorang**. Ia merangkumi kos penyediaan tempat dan makan minum, material kursus dan kepada bayaran pegawai penceramah sepanjang kursus.

5. Permohonan

Syarikat boleh membuat permohonan menyertai TTEC kepada institut latihan pelancongan (ILP) yang mengendalikan kursus tersebut. Jadual Kursus dan Alamat akan dikemukakan oleh Bahagian Pelesenan Pelancongan berserta dengan surat kelulusan sementara pengendalian agensi pengembaraan dan pelancongan. Carta Aliran Permohonan Kursus adalah seperti di Lampiran A.

6. Dokumen yang diperlukan

- (i) Salinan lesen pengendalian yang dikeluarkan oleh Bahagian Pelesenan Pelancongan, Kementerian Pelancongan Malaysia; dan
- (ii) Borang Pendaftaran Peserta *Travel & Tours Enhancement Course*

7. Ujian Penilaian

Setiap peserta kursus adalah **diwujudkan untuk menduduki Ujian Penilaian *Travel & Tours Enhancement Course*** yang akan dijalankan pada akhir kursus. Tempoh ujian penilaian adalah selama 1 jam. Format Ujian Penilaian adalah soalan secara bertulis yang berbentuk objektif (pilihan jawapan disediakan).

8. Tempoh sah laku sijil

Tempoh sah laku sijil adalah bergantung pada tempoh sah laku lesen yang dikeluarkan oleh Bahagian Pelesenan iaitu di antara satu hingga tiga tahun. Sijil kursus akan merangkumi kod sijil (untuk rujukan KPL), nama dan jawatan dalam syarikat serta nama syarikat.

9. Peraturan dan Kod Pemakaian Peserta Kursus

(i) Kehadiran

- Kehadiran setiap modul/sesi adalah wajib dan peserta yang gagal menghadiri salah satu sesi/modul atau lebih akan dianggap sebagai gagal dalam kursus.
- Semua peserta dikehendaki menepati masa bagi menunjukkan tahap profesionalisme sebagai *tourism frontliners*.

(ii) Kod Pemakaian

- Peserta kursus dikehendaki memakai pakaian yang kemas dan bersesuaian dalam menghadiri kursus. Pakaian yang tidak dibenarkan ialah seperti seluar *jeans*, seluar pendek, tshirt tanpa kolar dan selipar (*flip-flops*).

10. Pendaftaran peserta kursus

Setiap peserta perlu mengisi borang pendaftaran kursus dan mengemukakan borang berkenaan kepada penganjur kursus (Institut Latihan Pelancongan). Borang Pendaftaran adalah seperti di Lampiran B.

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi :

**Unit Latihan
Bahagian Pembangunan Industri
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
Tingkat 14, No. 2, Menara 1,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya
Tel : 03-8891 7000
Faks : 03-8891 7473**